

Penularan wabak pandemik COVID-19 yang sedang melanda di seluruh dunia memberikan kesan yang besar kepada ekonomi, termasuk perniagaan francais.

Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan,
Dalam Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna



Alexander (dua dari kanan) pada majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara MFA yang diwakili Pengerusinya, Datuk Dr. Radzali Hassan (dua dari kiri) dan Shopee yang diwakili Ketua Kluster Barangan Pengguna Bergerak Pantas Shopee Malaysia, Tan Ming Kit (kanan) di Putrajaya, semalam.

(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

Jual beli dalam talian naik 28.9 peratus

Putrajaya: Jual beli dalam talian mencatatkan peningkatan sebanyak 28.9 peratus pada April, selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula hujung Mac lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata peningkatan itu dicatatkan ketika sektor perniagaan lain, termasuk francais mengalami penurunan besar ekoran penularan wabak COVID-19 sejak akhir Disember.

Beliau berkata, tinjauan Kementerian itu menunjukkan industri francais mengalami kemerosotan pendapatan yang ketara.

“Penularan wabak pandemik COVID-19 yang sedang melanda di seluruh dunia memberikan kesan yang besar kepada ekonomi, termasuk perniagaan francais.

“Penurunan ini terutama bagi subsektor makanan dan minuman mencatatkan penurunan sehingga 70 peratus serta subsektor pendidikan yang merekodkan penurunan sehingga

80 peratus.

“Namun, aktiviti jual beli dalam talian merekodkan lonjakan yang luar biasa dengan peningkatan sebanyak 28.9 peratus pada April lalu,” katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan platform beli belah dalam talian, Shopee, di sini semalam.

Alexander berkata, industri francais antara industri penting di negara ini, yang memberi sumbangan penting kepada eko-

nomi Malaysia.

Beliau berkata, sehingga ini, sebanyak 583 francaisor tempatan dan 63 francaisor asing berdaftar dengan Kementerian berkenaan, manakala berdasarkan Laporan Tahunan Perniagaan Francais pada 2018, industri francais mencatatkan nilai jualan melebihi RM11 bilion.

Katanya, nilai jualan yang besar itu menunjukkan perniagaan francais menjadi pilihan pengguna dan berpotensi untuk diceburi oleh rakyat di negara ini.